

TR: 2.3.1966

**UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI
BAGI MELANCARKAN "GERAKAN MAJU"
PADA 14 MAC, 1966.**

Tuan-tuan Yang Terutama, Yang Berhormat Menteri-menteri, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian yang hadir;

Pertama sekali saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian yang telah sudi hadir di Upacara Melancarkan "Gerakan Maju" pada petang ini. Seperti yang telah diterangkan oleh Timbalan Setiausaha¹, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Gerakan ini adalah suatu bahagian dalam tingkatan kedua dalam pelaksanaan Rancangan Pembangunan Negara dan Luar Bandar Kerajaan.

Tuan-tuan dan puan-puan, pada masa Kerajaan Perikatan mula-mula melancarkan Rancangan Pembangunan Negara, terutama sekali Rancangan Pembangunan Luar Bandar dengan cara besar-besaran pada awal tahun 1961, saya telah terangkan bahawa rancangan-rancangan itu akan dilaksanakan melalui beberapa tingkatan. Tingkatan yang pertama ialah bagi mengumpulkan usaha dan tenaga Kementerian-kementerian, Kerajaan-kerajaan Negeri, Pejabat-pejabat Kerajaan dan seterusnya tenaga semua pegawai-pegawai Kerajaan di semua peringkat supaya dapat menumpukan sepenuh-penuh usaha dan tenaga bagi menjayakan Rancangan-rancangan Pembangunan Kerajaan itu.

Setelah tingkatan pertama itu berjalan dengan teratur dan sempurna, maka pada pertengahan tahun 1962, telah dilancarkan pula tingkatan yang kedua iaitu tingkatan bagi mengerahkan tenaga dan usaha dari pihak rakyat jelata sendiri untuk memberi kerjasama kepada Kerajaan untuk menjalankan usaha dan tenaga mereka itu bagi memperbaiki keadaan hidup mereka itu sendiri.

Saya telah tegaskan bahawa Rancangan-rancangan Pembangunan Kerajaan itu hanya dapat dilaksanakan dengan sempurna dan akan mendapat hasil dengan sepenuh-penuhnya jika kedua-dua belah

pihak iaitu pihak Kerajaan dan pihak rakyat sendiri sama-sama mencurahkan usaha dan tenaga mereka itu dengan sepenuh-penuhnya. Oleh itu telah diadakan dua tingkatan bagi pelaksanaan Rancangan Pembangunan Negara dan Luar Bandar Kerajaan ini dan bagi Rancangan Lima Tahun yang kedua pada tahun 1961 - 62. Kedua-dua tingkatan ini telah berjalan bersama-sama dan dengan adanya usaha dan tenaga dari pihak Pegawai-pegawai Kerajaan dalam semua peringkat, kerjasama yang baik di antara Pejabat-pejabat Kerajaan serta Kerajaan-kerajaan Negeri serta dengan timbulnya perasaan dan semangat dan usaha yang baik daripada pihak Pegawai-pegawai Kerajaan serta Pejabat-pejabat Kerajaan di semua peringkat, maka Rancangan-rancangan kita pada tahun yang lalu telah dapat dilaksanakan dengan penuh kejayaan. Begitu juga kita telah berjaya menanam semangat dan jiwa pembangunan di kalangan rakyat, semangat dan jiwa berani berusaha dan ber-tenaga dan berdiri di atas kaki sendiri untuk mencapai kemajuan-kemajuan dan kesenangan-kesenangan yang dikehendaki oleh negara kita yang merdeka dan berdaulat ini. Dengan usaha-usaha dari semua pihak dalam lima tahun yang lalu, seperti tuan-tuan dan puan-puan dan rakyat di seluruh negara ini telah mengetahui, perubahan-perubahan yang besar telah dapat dicapai di seluruh negara kita ini, baik di kampung-kampung - kampung-kampung besar, kampung-kampung kecil, kampung-kampung lama dan baru - dan juga di bandar-bandar. Kemajuan-kemajuan yang telah dicapai dalam lima tahun yang lalu telah mendapat ujian yang tinggi daripada pembesar-pembesar dan pelawat-pelawat dari negara-negara sahabat dan juga telah menghairankan kebanyakan negara di dunia ini - bagaimana caranya kita dapat melancarkan Rancangan Pembangunan dengan sebegitu licin dan teratur. Dengan sebab itu cara pelaksanaan Rancangan-rancangan Pembangunan Negara kita telah menjadi contoh dan teladan kepada negara-negara lain yang berkehendakkan kemajuan-kemajuan seperti kita di Malaysia ini.

Tuan-tuan dan puan-puan, tidak payah saya terangkan satu persatu tentang kemajuan-kemajuan yang telah kita capai dalam masa lima tahun yang lalu kerana perkara ini sudah ternyata dan dapat diketahui oleh semua pihak bukan sahaja oleh penduduk-penduduk di negara ini bahkan oleh negeri-negeri di dunia luar juga. Perubahan-perubahan yang berlaku di kampung-kampung dan di bandar-bandar sendiri adalah dalil yang terang yang tidak payah

disebut-sebut lagi dengan perkataan-perkataan iaitu kemajuan yang telah dicapai sangat banyak dan sangat besar serta sangat memuaskan hati kita sekalian. Saya hanya suka mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada semua pihak, Pegawai-pegawai Kerajaan, Wakil-wakil Rakyat dan seterusnya rakyat jelata sekalian, yang telah memberi kerjasama yang baik dan menjalankan tugas masing-masing dengan jujur dan ikhlas untuk mencapai kejayaan-kejayaan yang saya sebutkan itu.

Tuan-tuan dan puan-puan, sekarang kita telah lancarkan pula satu Rancangan Kemajuan Lima Tahun yang baharu iaitu Rancangan Malaysia Yang Pertama oleh sebab Kerajaan berkehendakan dan berazam negara kita ini akan terus berjalan ke arah kemajuan, kebahagiaan dan kemakmuran. Kerajaan berkehendakkan supaya rakyat kita di kampung-kampung dan di bandar-bandar yang masih mempunyai taraf hidup yang belum memuaskan hati kita itu, dapat meningkat kepada kemajuan-kemajuan yang lebih besar dan lebih luas lagi. Kerajaan telah menguntukkan wang yang banyak untuk pelaksanaan rancangan-rancangan ini dan sungguhpun Kerajaan kekurangan wang, Kerajaan akan berusaha dengan sedaya upayanya untuk mendapatkan wang. Akan tetapi mustahaklah kita atur cara pelaksanaan rancangan-rancangan itu supaya dapat dilaksanakan dengan cukup sempurna dan berjaya seperti Rancangan Lima Tahun Yang Kedua kita dahulu.

Saya telah menerangkan kepada Menteri-menteri Besar, Ketua-ketua Menteri dan Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan serta pegawai-pegawai yang lain yang bertanggungjawab dalam hal pembangunan ini, iaitu mustahaklah jentera pentadbiran yang kita telah atur itu dijaga dan diperbaiki dan mustahaklah Pegawai-pegawai Kerajaan dari semua pejabat dan peringkat memberi kerjasama yang baik di antara satu dengan lain supaya mereka itu dapat menumpukan sepenuh-penuh daya usaha mereka bagi melaksanakan Rancangan-rancangan Kemajuan. Saya berasa puas hati di atas kedudukan jentera pentadbiran kita itu dan saya yakin pelaksanaan Rancangan-rancangan Kemajuan kita itu akan dapat dilaksanakan dengan sempurnanya melalui jentera pentadbiran yang ada pada hari ini. Akan tetapi menurut apa yang saya telah sebutkan tadi, Rancangan-rancangan Kemajuan tidak akan mendatangkan hasil yang sepenuhnya dan tidak akan memberi faedah kepada rakyat dengan sepenuhnya, melainkan pihak rakyat sendiri berani menjalankan usaha

dan tenaga untuk memberikan kerjasama dan untuk menjalankan usaha-usaha sendiri bagi memperbaiki keadaan hidup masing-masing dan bagi menggunakan sepuh-penuhnya peluang-peluang yang dibuka oleh Kerajaan dengan seluas-luasnya dalam lapangan kemajuan. Dengan sebab itulah pada hari ini dengan persetujuan Kerajaan-kerajaan Negeri di Semenanjung Tanah Melayu, kita telah lancarkan "Gerakan Maju" iaitu bahagian yang kedua dalam pelaksanaan Rancangan Pembangunan kita supaya kita dapat bersama-sama iaitu pihak Kerajaan dan pihak rakyat menanam semangat dan jiwa pembangunan atau jiwa inginkan kepada kemajuan yang berlebih-lebihan - semangat berani berusaha dan bekerja untuk mencapai kebahagiaan hidup.

Saya dukacita kerana dalam Gerakan Maju ini tidak dapat dimasukkan Sabah dan Sarawak kerana pelaksanaan Rancangan Kemajuan di kedua-dua buah negeri itu belum lagi sampai ke tingkatan yang membolehkan kita melancarkan gerakan semacam itu. Saya harap tidak berapa lama lagi, gerakan ini akan dapat dimulakan di Sabah dan Sarawak.

Gerakan Maju ini berkehendakkan kita semua rakyat negeri ini menghidupkan semula semangat datuk nenek kita dahulu iaitu semangat berani berdiri di atas kaki kita sendiri, semangat berani menjadi pelupor menebang hutan dan rimba dan mendirikan kampung-kampung dan bandar-bandar. Semangat ini telah terpendam pada masa penjajahan dahulu. Kita masih ingat pada 100 tahun yang lalu bandar-bandar yang besar yang kita dapati di negara kita ini asalnya ialah hutan rimba yang telah ditebang tebas dan bangunan-bangunan yang indah-indah didirikan dengan titik peluh dan usaha dan tenaga daripada mereka-mereka yang dahulu hidup daripada kita. Tetapi sekarang ini, di bawah Rancangan Kemajuan Kerajaan, bukan sahaja Pegawai-pegawai Kerajaan bahkan rakyat jelata seterusnya dikehendaki bekerja dan berusaha dengan semangat yang penuh supaya hutan-hutan yang ada di sekeliling kita itu dapat dijadikan bandar dan tempat mendirikan kilang-kilang perusahaan untuk kita dan juga untuk keturunan kita pada masa yang akan datang. Hutan-hutan yang ada sekarang ialah tempat tersimpannya kekayaan negara kita dan sudah sampai masanya kekayaan negara kita itu digunakan untuk faedah rakyat negara ini dan untuk kemajuan negara kita. Kekuatan sesuatu bangsa itu bergantunglah kepada kekuatan yang pada diri dan

dalam hatinya sendiri, kekuatan itu bukan didapati dari luar. Kalau dalam masa penjajahan dahulu kita dibiarkan berpeluk tubuh dan memandang sahaja perubahan-perubahan yang berlaku di negara kita serta menunggu orang lain memberi pertolongan kepada kita. Tetapi sekarang negara kita yang merdeka, sebagai bangsa yang sudah merdeka dan bebas, mustahaklah kita mengubah nasib kita sendiri. Kemerdekaan negara kita membuka sepenuh-penuh peluang kepada kita. Memberi kebebasan kepada kita. Kebebasan bermakna kita bertanggungjawab - bertanggungjawab berusaha dan bertenaga dan berdiri di atas kaki sendiri, sebagai manusia yang bebas dan merdeka. Kita tidak layak mengaku diri kita sebagai warganegara merdeka, jikalau kita tidak sedar akan tanggungjawab merdeka iaitu tanggungjawab sanggup maju dan sedia berjuang dan berusaha meninggikan taraf hidup kita.

Kata perumpamaan Melayu: "Kalau hendak mencari rotan, jangan takutkan onak". Ini bermakna jikalau kita berkehendakkan membuat sesuatu perkara yang baik, berkehendakkan kemajuan, tidak dapat tiada kita terpaksa menghadapi kesukaran dan terpaksa kita berkorban. Hanya dengan kita berani menghadapi dan mengatasi kesusahan-kesusahan itu dan berani mengorbankan tenaga dan titik peluh kita baharulah boleh kita mencapai kemajuan-kemajuan dan kebahagiaan yang kita cita-citakan. Inilah kesimpulan makna Gerakan Maju itu iaitu jiwa dan semangat ingin kepada kemajuan dan kebahagiaan hidup, jiwa atau semangat berani berjuang dan berusaha, bukan hanya duduk memandang tetapi sentiasa bekerja. Bukan hanya berdiam diri, tetapi sentiasa bergerak, berjalan dan berlari ke arah kemajuan. Inilah sebaik-baik pedoman hidup untuk kita sebagai satu bangsa yang merdeka. Inilah cita-cita dan kezaman Kerajaan kita dan inilah seruan saya kepada seluruh rakyat Malaysia ini. Inilah dia Gerakan Maju yang sekarang ini dengan sukacitanya saya lancarkan.

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah-langkah yang tegas untuk menimbulkan semangat dan perasaan tanggungjawab sebagai warganegara yang merdeka dengan mengada kelas-kelas dewasa dan rancangan-rancangan yang lain. Di dalam pertunjukkan pada petang ini tuan-tuan dan puan-puan dapat memperhatikan segala-galanya usaha-usaha itu daripada berbagai Pejabat-pejabat dan Kementerian-kementerian Kerajaan yang kita citakan itu dalam semua lapangan-lapangan fizikal dan moral. Semangat yang hen-

dak ditanamkan ialah semangat ingin kepada kemajuan dan kesejahteraan hidup dan semangat kasih sayang dan taat setia pada negara kita Malaysia.

1 Encik Saad bin Walad